

# Ikan tempatan sebagai bahan kajian saintifik

UTUSAN  
MALAYSIA

10/11/2017

P-20

**S**EMPENA Ekspo Pertanian dan Pesta Konvo Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-41 baru-baru ini, universiti berkenaan mempamerkan pelbagai hasil penyelidikan dan produk pertanian yang menjadi ikon universiti berkenaan pada setiap minggu konvokesyen. Antara produk penting ialah ikan medaka sebagai bahan kajian saintifik.

Ramai mungkin pernah mendengar tentang penggunaan ikan *zebra fish* digunakan secara meluas di dunia untuk kajian saintifik. Sepatutnya kita menggunakan spesies tempatan yang lebih memberikan petunjuk yang tepat bagi kes-kes tempatan.

Menurut ketua kumpulan penyelidik yang mempromosi ikan medaka, **Prof. Dr. Ahmad Ismail** dari Jabatan Biologi, Fakulti Sains, UPM,

keputusan penggunaan spesies tempatan ini dalam kajian juga memberi keputusan serupa dengan keputusan kajian yang menggunakan spesies medaka tempatan mereka *Oryzias latipes* yang popular di Jepun.

Katanya, kajian dalam bidang kualiti alam sekitar, kesan ketoksikan bahan kimia kepada ikan dan kajian berkaitan genetik serta anatomi boleh menggunakan spesies tempatan ini.

"Ikan medaka atau anma saintifiknya *Oryzias javanicus*, mudah didapati di kawasan pantai barat Semenanjung Tanah Melayu," ujarnya.

Promosi penggunaan ikan tersebut sudah dijalankan ke peringkat antarabangsa menerusi siri simposium *International Symposium of Oryzias Fish* setiap dua tahun sejak tahun 2007, 2009 di Thailand, 2011 di Malaysia (UPM), Makasar (2013) dan Thailand (2015).

Keunikan ikan ini yang



**KUMPULAN** penyelidik UPM diketuai Dr. Ahmad Ismail (kiri) yang menjalankan kajian mengenai ikan medaka.

lutsinar nampak rangka tulangnya, mata yang besar, saraf optik yang jelas, telur dan perkembangan embrio yang jelas, mudah beradaptasi dengan kemasinan air dan suhu memudahkan untuk dilakukan penelitian saintifik.

Menurutnya, di Malaysia kajian tentang *Oryzias javanicus* ini bermula pada tahun 2000 yang dijalankan bersama dengan ahli sains dari Jepun apabila mereka mendapati ikan ini lebih baik daripada *Oryzias latipes* yang sangat popular di negara Jepun sebagai ikan kajian.

Memandangkan penekanan semasa itu kepada petunjuk kualiti persekitaran akuatik, maka kajian berkisar kepada kesesuaian ikan ini sebagai petunjuk biologi kepada perubahan kualiti air permukaan di persekitaran pantai.

"Kita mula melihat kesesuaian ikan ini dari

segi taburannya, kebolehdapatan sepanjang tahun, kaedah mengkulturnya dan kesesuaian untuk bahan kajian. Hasil kajian taburan ikan ini dan kualiti habitatnya telah diterbitkan dalam *Malayan Nature Journal* iaitu antara jurnal berasaskan alam semula jadi tertua di Malaysia, pada tahun 2013," ujarnya lagi.

Promosi penggunaan ikan ini dalam penyelidikan sepatutnya diberikan pengiktirafan. Malah tesis PhD yang menyeluruh tentang ekologi *Oryzias javanicus* dan penggunaannya sebagai organisma kajian telah diterbitkan oleh UPM.

Ahli sains tempatan sepatutnya berbangga dengan kepelbagaian biologi negara. Kalau orang lain menggunakan spesies ikan yang ada di negara kita mengapa tidak kita menggunakannya. *Oryzias javanicus* boleh diketengahkan sebagai bahan kajian utama dalam pelbagai bidang.

Pameran Ekspo Pertanian dan Pesta Konvo itu telah dirasmikan oleh Tengku Permasuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin.